

10/08/2001

Aplikasi perdana baru tambah usahawan tekno

Hizral Tazzif Hisham

KERAJAAN bercadang mewujudkan aplikasi perdana usahawan tekno sebagai tambahan kepada tujuh aplikasi perdana sedia ada bagi mewujudkan lebih ramai usahawan yang terbabit dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata ketika ini hanya 1,300 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terbabit dalam industri ICT tempatan.

"Menerusi penubuhan aplikasi perdana baru usahawan tekno, MDC berharap akan dapat menggandakan bilangan mereka sehingga menjadi 2,600 pada 2005," katanya di Cyberjaya, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas majlis taklimat media mengenai mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP), kali kelima yang akan diadakan pada 6 September ini di Cyberjaya.

Seramai 21 daripada 26 anggota dan wakil IAP sudah mengesahkan penyertaan manakala selebihnya berbuat demikian dalam tempoh satu atau dua minggu akan datang. Mesyuarat akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara yang hadir ialah Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Acer, Datuk Dr Stan Shih; Pengerusi dan ketua Eksekutif Infosys Technologies Limited, Narayana Murthy; Ketua Saintis Sun Microsystems, Dr John Gage dan Naib Presiden Microsoft Asia, Micheal Rawding.

Isu yang akan mendapat perhatian dalam pertemuan itu ialah gelombang perdana kedua, e-dagang, aliran pembahagian digital dan tekhnologi serta peluang untuk MSC dengan penekanan dijangka mengenai teknologi tanpa wayar, bioteknologi dan penyelesaian.

Beliau berkata, setakat ini 541 syarikat mencapai taraf Koridor Raya Multimedia, melebihi sasaran 500 syarikat yang ditetapkan terdahulu.

"Angka itu jauh lebih tinggi jika anggaran 200 syarikat yang memohon taraf MSC sekarang ini diambil kira. Sehubungan itu, MDC akan menaikkan angka unjuran kepada 750 syarikat berstatus MSC Beliau berkata, daripada sejumlah 541 syarikat bertaraf MSC, 46 diklasifikasikan sebagai syarikat bertaraf dunia.

"Sasaran mencapai sejumlah 70 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003 sudah ditetapkan," katanya.

Othman Yeop berkata, syarikat bertaraf MSC mewujudkan lebih 12,000 peluang pekerjaan untuk pekerja berpengetahuan.

Beliau berkata, tahun lalu syarikat bertaraf MSC mencatat jualan berjumlah RM2 bilion dan eskport RM485 juta.

(END)